

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

ATP 301 - Perakaunan Pengurusan

Tarikh : 27 Oktober 1988

Masa : 9.00 pagi-12.00 tengah hari  
(3 jam)

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. A. Data hasil dan kos kedai En. Victor bagi tahun yang baru berakhir adalah seperti berikut:

Jualan (30,000 dozen)	.....	\$ 60,000
Belanja:		
Boleh ubah	.....	24,000
Tetap	.....	39,000
		-----
Pendapatan (kerugian)	.....	(\$ 3,000)
		=====

Adalah dianggarkan bahawa jualan dapat ditingkatkan sebanyak 15% jika En Victor membuka kedainya selama 3 jam lagi setiap malam. Bagaimanapun ini tidak akan menjejaskan kos boleh ubah, tetapi kos tetap akan bertambah \$6,000 lagi setahun. Sementara itu, jika sebuah mesin automatik dibeli, kapasiti pengeluaran dapat ditambah dan kos boleh ubah dapat dikurangkan lagi sebanyak \$0.40/dozen. Mesin ini akan menambahkan kos tetap sebanyak \$20,000 setahun.

Dikehendaki:  
-----

- (i) Bagi tahun yang baru berakhir, tentukan
- (a) Titik pulang modal (dozen dan \$)
  - (b) Nisbah margin keselamatan
  - (c) Paras jualan jika keuntungan kasar sebelum cukai ialah 30% daripada jualan

(ATP 301)

- (ii) Tentukan sama ada En. Victor harus membuka kedainya selama 3 jam lagi setiap malam.
- (iii) Kirakan titik pulang modal (dozen dan \$) jika mesin automatik dibeli.

(15 markah)

B. Perihalkan dengan ringkas konsep/amalan yang diberikan di bawah ini supaya objektifnya dan prinsip-prinsip yang tertentu dapat dilihat dengan jelas.

- (i) perakaunan bertanggung jawab
- (ii) perakaunan pengurusan dan pengawalan
- (iii) pengurusan melalui pengecualian

(10 markah)

2. A. Syarikat Pekaka membuat sejenis perabut. Kos pengilangan piawai seunit perabut tersebut adalah seperti berikut:

Bahan langsung:	10 kaki @ \$0.40	.....	\$ 4.00
Buruh langsung:	1.5 jam @ \$9	.....	13.50
Overhed kilang:	1.5 jam buruh @ \$6	.....	9.00
			-----
			\$26.50
			=====

Kadar overhed ditetapkan dengan berasaskan volum biasa pengeluaran sebanyak 4,000 unit perabut. Kadar bagi kos overhed boleh ubah ialah \$2 sejam buruh. Di dalam tempoh yang baru berakhir, 4,200 perabut telah dikeluarkan dengan kos yang sebenar berlaku seperti berikut:

Bahan langsung:	47,300 kaki	.....	\$17,974
Buruh langsung:	5,900 jam	.....	55,460
Overhed kilang		.....	35,480
			-----
			\$108,914
			=====

(ATP 301)

Dikehendaki

- (i) Kirakan varian-varian kos prima.
- (ii) Kirakan varian-varian kos overhed dengan melakukan 3-analisa varian.

(15 markah)

- B. Bincangkan peranan piawaian di dalam bidang perakaunan pengurusan. Nyatakan dua jenis piawaian dari segi cara ianya dibentuk. Bagaimanakah piawaian overhed berbeza daripada piawaian kos prima?

(10 markah)

3. A. Syarikat Sriwangi mengeluarkan tiga jenis pewangi melalui satu proses bersama. Berikut diberikan data kos pengeluaran bulanan yang terbaharu.

Pewangi	Harga Seunit	Kuantiti Pengeluaran	Kos Bersama Seunit	Kos Selepas Titik Pemisahan Seunit	Jumlah Kos Seunit
Semerbak	\$ 4	10,000	\$ 2.80	\$2	\$ 4.80
Bungapagi	10	6,000	2.80	4	6.80
Bungapetang	15	4,000	2.80	5	7.80

Sebagai ketua akauntan Syarikat Sriwangi, anda telah dipanggil oleh ketua eksekutif syarikat ke pejabatnya. Beliau berkata "Saya tidak dapat memahami laporan kos barangan anda. Adakah kita sekarang menjual barangan yang mempunyai volum terbanyak dengan kerugian, atau mungkin kos barangan itu salah? Yang mana satu?"

Dikehendaki

- (i) Berikan penjelasan anda kepada ketua eksekutif itu?

(ATP 301)

- (ii) Sebuah syarikat lain baru sahaja memperkenalkan barangan yang menyaingi Bungapagi. Untuk berjaya di dalam persaingan ini, harga Bungapagi harus diturunkan kepada \$6. Patutkah Syarikat Sriwangi mengambil langkah ini, yakni menjual kurang daripada kos?
- (iii) Jika dasar Syarikat Sriwangi ialah mendapatkan margin kasar keseluruhan 20 peratus daripada jualan, bagaimanakah jawapan anda di bahagian (ii)?
- (iv) Berapakah harga minimum Bungapagi yang masih memberikan margin kasar keseluruhan 20 peratus ?

(15 markah)

B. Bincangkan keperluan amalan peruntukan kos di dalam perakaunan dari sudut:

- (i) pengekosan barangan
- (ii) membuat keputusan
- (iii) perancangan dan pangawalan

(10 markah)

4. A. Syarikat Lintang mengilang sejenis barangan yang melalui satu proses yang berterusan. Inventori kerja berjalan pada mula dan akhir tahun 19X7 adalah seperti berikut:

		Peratusan Siap	
		Bahan	Memproses
		-----	-----
01 Januari,	3,000 unit .....	40%	10%
31 Disember,	2,000 unit .....	80%	40%

Di dalam tahun 19X7, 40,000 unit telah siap sepenuhnya dan dipindahkan ke inventori barangsiap. Kos yang ditanggung di dalam tahun 19X7 ialah: bahan langsung, \$242,600; memproses, \$445,200; jualan dan tadbiran, \$150,000. Inventori kerja berjalan pada 1 Januari telah dinilai mengikut kos, yakni bahan langsung, \$7,000 manakala memproses, \$3,600. Syarikat Lintang menggunakan kaedah masuk dulu keluar dulu (MDKD) bagi keperluan pengekosan.

...5/-

Dikehendaki  
-----

Sediakan satu laporan kos pengeluaran Syarikat Lintang bagi tahun 19X7. Laporan anda hendaklah menunjukkan pengiraan kos seunit, nilai barangsiap yang dipindah keluar dan inventori akhir kerja berjalan.

(15 markah)

B. Bincangkan pertukaran/aliran dan perluputan kos pengilangan mengikut pendekatan pengekosan serapan dan pengekosan variabel. Berikan hujah-hujah yang menyokong dan menentang penggunaan pengekosan variabel.

(10 markah)

5. A. Bahagian Utara Syarikat Mutiara yang beroperasi pada kapasiti penuh, telah diminta oleh Bahagian Selatan syarikat itu untuk membekal kepadanya sejenis komponen elektrik No. 1726. Bahagian Utara menjual komponen ini kepada pelanggan biasanya pada harga \$7.50 seunit. Bahagian Selatan yang beroperasi pada kapasiti 50% sanggup membayar hanya \$5.00 seunit. Komponen ini akan digunakan oleh Bahagian Selatan untuk kontrak mengeluarkan sejenis barangan bagi syarikat lain berasaskan kos tambah (cost-plus basis).

Kos boleh ubah bagi Bahagian Utara mengeluarkan komponen No. 1726 ialah \$4.25 seunit. Kos seunit barangan yang dibuat oleh Bahagian Selatan dianggarkan seperti berikut:

Belian alat-alat (daripada pembekal luar) .....	\$22.50
Komponen No. 1726 (daripada Bahagian Utara) .....	\$ 5.00
Kos boleh ubah yang lain .....	\$14.00
Kos tetap (overhed dan tadbiran) .....	\$ 8.00
	-----
	\$49.50
	=====

Bahagian Selatan berpendapat bahawa kurangan harga yang diminta ini amat perlu untuk menjalankan kerja kontrak dengan syarikat luar itu. Sementara itu Syarikat Mutiara menggunakan pulangan atas pelaburan dan jumlah ringgit keuntungan untuk mengukur prestasi bahagian-bahagian dan pengurusnya.

Dikehendaki

- 
- (i) Jika anda seorang pengurus Bahagian Utara, adakah anda akan menerima permintaan Bahagian Selatan. Kenapa? (Abaikan cukai pendapatan).
  - (ii) Adakah sebarang faedah ekonomi (jangka pendek) bagi Syarikat Mutiara jika Bahagian Utara membekalkan Bahagian Selatan komponen itu pada harga \$5.00 seunit.
  - (iii) Bincangkan kesukaran perlakuan organisasi dan pengurus, jika ada, yang sedia wujud di dalam keadaan seperti ini. Sebagai ketua akauntan Syarikat Mutiara, apakah nasihat yang akan anda berikan kepada ketua eksekutif Syarikat Mutiara?

(15 markah)

- B. Apakah yang dimaksudkan dengan 'harga pindahan'? Nyatakan cara-cara harga pindahan boleh ditetapkan. Bagaimanakah harga pindahan boleh menjejaskan pengukuran prestasi sesuatu bahagian?

(10 markah)

--oooo000oooo--